



Perpaduan Teras Pembangunan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Beta bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana limpah dan kurnia-Nya kepada Beta dan rakyat sekalian. Beta berasa terharu dan amat gembira dengan sambutan meriah yang diberikan kepada Beta dan Raja Permaisuri pada hari ini. Kehadiran ramai rakyat menyambut Beta pada hari ini membuktikan rakyat bersama-sama dengan Beta menerima dan menyanjung tinggi penghormatan yang diberikan oleh negara kepada Negeri Perak Darul Ridzuan.

Sesungguhnya saat ini amat bersejarah bagi Negeri Perak Darul Ridzuan, juga amat bersejarah bagi diri Beta sendiri. Ini kerana lebih 32 tahun dahulu Paduka Ayahanda Beta, Almarhum Duli Yang Maha

Titah Ucapan Selepas Pengisytiharan Pelantikan Sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-IX di Lapangan Terbang Ipoh, 5hb. Mac 1989.



Mulia Sultan Yussuf Izzuddin Shah telah menandatangani perjanjian kemerdekaan bagi pihak Negeri Perak Darul Ridzuan. Sekarang, dengan kurnia Allah s.w.t. giliran Beta, iaitu Sultan Negeri Perak ke Istana Negara. Inilah julung kalinya Sultan Negeri Perak Darul Ridzuan dilantik menjadi Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Beta yakin seluruh rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan berasa bangga atas kepercayaan yang diberikan. Beta ingin mengambil kesempatan ini untuk menyembah junjungan kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atas pelantikan Beta ini.

“... dengan kerjasama daripada semua golongan rakyat, kita akan dapat menjalankan tugas dan amanah masing-masing dengan sempurna untuk menghadapi apa juga cabaran supaya dapat membangunkan negara kita ke tahap yang cemerlang.”

Beta insaf dan sedar bahawa Malaysia akan menempuh tahun 90-an dengan pelbagai cabaran, sama ada di dalam atau di luar negeri. Insya-Allah, dengan kerjasama daripada semua golongan rakyat, kita akan dapat menjalankan tugas dan amanah masing-masing dengan sempurna untuk menghadapi apa juga cabaran supaya dapat membangunkan negara kita ke tahap yang cemerlang. Mudah-mudahan masa depan negara kita menjadi lebih cerah, kehidupan rakyat lebih selesa, seterusnya menjadikan nama negara harum di luar negara.

Dalam usaha membangunkan negara, pengurusan dan pentadbiran institusi-institusi kerajaan dalam perlembagaan seperti kesultanan, parlimen, kuasa eksekutif, perkhidmatan awam dan sebagainya yang baik, akan menjamin kejayaan kita. Beta amat berharap agar institusi-institusi kerajaan kita akan bertambah kukuh pada masa hadapan.

Usaha pembangunan dan kecemerlangan negara juga bergantung kepada perpaduan rakyat. Menyedari akan kepentingan perpaduan dan kerjasama di kalangan rakyat, Beta menyeru semua rakyat Beta



yang beragama Islam supaya menghayati dan mengamalkan ajaran Islam sebaik mungkin. Sebagai rakyat Malaysia, Beta menyeru agar semua lapisan rakyat mengamalkan dan menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara.

Beta memohon doa dan limpah kurnia Allah s.w.t. supaya mencucuri rahmat serta taufik dan hidayah-Nya ke atas sekalian rakyat Perak Darul Ridzuan.

Beta mengucapkan terima kasih kepada mereka yang mengutuskan ucapan-ucapan tahniah kepada Beta.

Beta juga berdoa semoga Allah s.w.t. memberi petunjuk dan jalan yang mudah bagi membolehkan Beta menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada Beta dengan baik dan sempurna.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

